

Peribahasa Melayuditelan zaman

Oleh Rashiqah Ilmi

Abd Rahim

rashiqah@bharian.com.my

K EINDAHAN nilai bahasa dalam peribahasa Melayu yang sebelum ini menjadi medan berkesan dalam menyampaikan nilai murni dan 'dakwah' kepada masyarakat antaranya dapat dilihat melalui hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri.


Bagaimanapun, perkembangan semasa dalam arus globalisasi yang melanda warga sejagat menyebabkan bangsa Melayu terlena panjang sehingga seolah-olah lupa bahawa mereka mempunyai khazanah bahasa yang bukan sekadar melambangkan jati diri, malahan sarat dengan pelbagai ilmu, mesej dan teladan berguna dalam kehidupan.

Penghayatan bangsa Melayu terhadap peribahasa kian tipis dan kelebihan dalam berbahasa dengan memanfaatkan kehadiran peribahasa sebagai wadah penting bernafas intelektual yang mampu menjadi pelengkap kepada pemarta-batan bangsa maju sebelum menjelang 2020, seolah-olah tiada.

Generasi muda yang didedahkan dengan sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan pula tidak lagi menganggap peribahasa menyumbang kepada pembangunan mo-

Sayang peribahasa Melayu semakin terpinggir. Hilanglah jati diri dan sumbangan kepada norma budaya dan nilai agama.

Yalah. Tak ada lagi bulat air kerana pembentung, bulat masyarakat kerana muafakat.



Sebab masyarakat kita hari ini dah jadi lu, lu punya pasal, gua, gua punya hal, jangan masuk campur.

dal insan kerana sistem pendidikan negara tidak memberi tumpuan terhadap fungsi emosi dan jiwa dalam penyampaian ilmu.

Meskipun kita sering menyaksikan peribahasa dalam akhbar, majalah, radio, televisyen, iklan, ceramah, khutbah dan ceramah, ia tetap tidak memberi kesan kepada komunikasi sehari-hari masyarakat khususnya dalam hal memberi nasihat dan perangsang seperti yang menjadi amalan bangsa Melayu lama.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Samsina Abd Rahman,

menyifatkan peribahasa yang merangkumi pepatah, bidalan dan perumpamaan, wajar dimanfaatkan sebagai wahana pendidikan yang mampu menyumbang kepada norma budaya dan nilai agama.

"Namun, penggunaannya tidak lagi diamalkan bangsa Melayu kini berpunca daripada lunturnya semangat cintakan bahasa Melayu, sekali gus menyebabkan mereka menganggap peribahasa yang hadir dalam bahasa Melayu sebagai kurang penting untuk dipraktikkan.

"Hakikatnya, peribahasa boleh diangkat semula sekiranya masyarakat menanamkan semangat cintakan bahasa Melayu terlebih dahulu. Guru sekolah pula perlu menjadi ejen pendidikan berkesan dalam memastikan sistem pembelajaran bahasa Melayu berfungsi dalam pembentukan jati diri pelajar," katanya dalam pertemuan dengan Sastera, baru-baru ini.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa usaha berkenaan bukan perkara mudah kerana segala nilai dan norma itu sudah sedia wujud pada watak dan keperibadian bangsa timur, tetapi memerlukan masa dan cara berkesan untuk merealisasikannya.

"Hal ini dapat dilihat dalam perbezaan gaya hidup dan komunikasi sehari-hari bangsa Melayu kini dan dulu. Generasi muda kini jarang menyelitkan peribahasa dalam perbualan sehari-harian mereka berbanding generasi dulu yang sesetengahnya sempat berperibahasa ketika berbual, hatta ketika bergaduh," katanya.

Pelajar Universiti Tek-

nologi Malaysia (UTM), Fatin Syazwina Abd Shukor, mengakui jarang menggunakan peribahasa dalam perbualan sehari-hari kerana jarang didekahkan penggunaannya selain melihatnya sebagai suatu yang janggal.

"Sekiranya drama dan filem zaman dahulu sering memaparkan keindahan bahasa Melayu termasuk menggunakan peribahasa dalam skrip dramanya, karya masa kini pula lebih mementingkan nilai komersil. Lihat saja berapa banyak skrip drama Melayu menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa rojak.

"Karya yang dipamerkan kepada penonton sedikit sebanyak mempengaruhi jiwa masyarakat. Bahasa Inggeris dan bahasa rojak menjadi ukuran kedudukan seseorang dalam masyarakat sehingga dengan sendiri penggunaan bahasa Melayu baku terpinggir," katanya yang mewakili suara generasi muda.

Bagaimanapun, Fatin Syazwina tidak menafikan, peribahasa bukan hanya berfungsi sebagai alat nasihat dan kiasan malahan menjadi lambang penting dalam menyatukan masyarakat Melayu dan simbolik pantang larang masyarakat Melayu seperti dalam pepatah biar mati emak, jangan mati adat.

"Jika keindahan nilai dalam peribahasa Melayu ini terus diabaikan, mesej dan makna daripada segala macam peribahasa yang menjadi khazanah bangsa Melayu akan berkubur dalam jangka panjang. Sesuatu perlu dilakukan kerana sekiranya perkara terbabit berlaku, ia merugikan bangsa Melayu," jelasnya.



“ Penggunaannya tidak lagi diamalkan bangsa Melayu kini berpunca daripada semangat cintakan bahasa Melayu”

Dr Samsina Abd Rahman
Pensyarah Universiti Putra Malaysia

Fatin Syazwina Abd Shukor
Pelajar Universiti Teknologi Malaysia